

377 jajaran sungai makin cetek undang banjir kilat

BH. 22/11/2017, ms. 13

- Kerakusan teroka kawasan untuk pertanian, pembalakan, pembangunan punca masalah

**Laporan Nazura Ngah,
Mohd Nasaruddin Parzi
dan Luqman Arif
Abdul Karim**
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Pemantauan Jabatan Pengairan dan Saliran mendapati 377 daripada lebih 4,000 jajaran sungai di negara ini semakin cetek, sekaligus mengundang risiko banjir kilat.

Menteri Sumber Asli dan Alam

Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata punca utama masalah itu disebabkan kerakusan meneroka kawasan untuk pelbagai tujuan seperti pertanian, pembalakan dan pembangunan.

Selain itu, katanya kepentingan mengekalkan kawasan rizab yang sepatutnya dijadikan zon tadahan air tidak diendahkan, sebaliknya ditarah untuk pembangunan.

“Apabila perladangan, pertanian dan kawasan pembinaan tidak mengambil kira zon ta-



Kepentingan kekalkan kawasan rizab yang sepatutnya dijadikan zon tadahan air tidak diendahkan, sebaliknya ditarah untuk pembangunan”

**Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli
dan Alam Sekitar**

dahan air, mudah selut atau lumpur terus mengalir masuk ke dalam sungai.

Cepat adili kerajaan

“Kalau kita nak selamat semua sungai yang ketika ini menjadi cetek angkara kerakusan manusia, kerajaan perlu memperuntukkan belanja ratusan bilion ringgit untuk berbuat demikian,” katanya menjawab soalan tambahan Datuk Tiong King Sing (BN-Bintulu), di Dewan Rakyat, semalam.

Wan Junaidi berkata, seka-

rang masyarakat cepat mengadili kerajaan apabila wujud kesesuaian yang diberikan hak untuk menuai pasir sungai di muara.

“Salah persepsi ini kerana mereka dibarkan jual (ambil) pasir, namun sebagai pulangan kita tidak membayar perkhidmatan mendalamkan dasar sungai.

“Bagaimanapun, isi padu dan tempoh operasi menuai pasir tidak dilaksanakan secara membuta tuli, sebaliknya dikendalikan mengikut perjanjian tertentu,” katanya.